



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

60/2025

SIARAN MEDIA

KUSKOP LANCAR MISI PERDAGANGAN ANTARABANGSA KE CHINA BAGI MEMPERKASA JENAMA FRANCAIS MALAYSIA

PUTRAJAYA, 9 Ogos – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah melancarkan **Misi Perdagangan Antarabangsa ke China** yang berlangsung dari 8 hingga 10 Ogos 2025. Misi ini bersempena penyertaan Malaysia dalam **China Franchise Expo 2025** di **Shanghai New International Exhibition Center (SNIEC)**.

Inisiatif ini bertujuan membuka akses baharu kepada jenama francais tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa khususnya China yang merupakan antara ekonomi terbesar dan paling pesat berkembang di dunia.

Delegasi Malaysia diketuai oleh **YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi** bersama wakil daripada **Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), MFA**, serta **sembilan jenama francais terkemuka Malaysia**, iaitu:

- Marrybrown
- HOME Maths Therapy
- Q-Dees
- Smart Reader Kids
- Midyson
- US Pizza
- Kenny Rogers Roasters
- D'Sara Fried Chicken
- Happy Potato

Penyertaan ini merupakan sebahagian daripada **Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport** atau *Enhancing Franchise Development Programme (EFDP)*, yang dirancang untuk memperluas kehadiran francais Malaysia di peringkat global. Antara kejayaan terdahulu menerusi EFDP termasuklah:

- Marrybrown di Australia
- Global Art di Maghribi
- Laundrybar di Thailand
- Little Caliphs di United Kingdom

Menurut YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Industri francais Malaysia memiliki potensi besar untuk berkembang di arena antarabangsa. Misi ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan jenama tempatan di luar negara, malah mewujudkan peluang kerjasama strategik bersama rakan niaga antarabangsa. KUSKOP komited untuk menjadikan jenama francais Malaysia sebagai pilihan utama di pasaran global.

Misi perdagangan ke China ini merupakan misi sulung dalam kalendar EFDP bagi tahun 2025. Ia akan disusuli dengan misi serantau ke **Jepun, Kazakhstan, dan Indonesia** yang dijadualkan berlangsung sehingga Oktober 2025.

Sepanjang lawatan ke China, delegasi Malaysia turut mengadakan sesi perbincangan meja bulat bersama **China Chain Store & Franchise Association (CCFA)** bagi meneroka peluang kerjasama dua hala serta memahami dengan lebih mendalam kehendak pasaran francais tempatan.

Penyertaan aktif dan berstrategik syarikat-syarikat francais Malaysia dalam misi ini jelas mencerminkan tahap kesiapsiagaan dan keyakinan tinggi pemain industri untuk bersaing di pentas antarabangsa. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan **Malaysia sebagai hab francais utama di rantau ASEAN**.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
9 OGOS 2025